




IMBASAN PARATIROID

PENDIDIKAN PESAKIT




Imbasan Paratiroid

Apakah itu Imbasan Paratiroid?

Imbasan paratiroid juga dikenali sebagai imbasan Sestamibi atau imbasan MIBI. Ia merupakan **ujian pengimejan perubatan nuklear yang menggunakan sedikit bahan pengesan radioaktif** untuk mengenal pasti kelenjar paratiroid yang bengkak atau berada di kedudukan yang tidak normal.

Imbasan ini digunakan terutamanya untuk mengesan tumor paratiroid yang dipanggil adenoma dan membantu keputusan untuk prosedur pembedahan invasif minimum.



Kelebihan Imbasan Paratiroid

Kelebihan utama imbasan paratiroid adalah ia dapat menentukan lokasi yang tepat bagi kelenjar paratiroid yang tidak norma dan terlalu aktif sebelum pembedahan. Ini membolehkan prosedur yang kurang invasif dilakukan, mengurangkan komplikasi, dan meningkatkan hasil rawatan.



Risiko dan Had

Imbasan ini secara amnya dianggap selamat, tanpa risiko yang ketara.

Bagaimanakah Imbasan Paratiroid Dijalankan?

1 Pengesan Radioaktif




Anda akan menerima suntikan bahan pengesan radioaktif, biasanya **Tc-99m MIBI**, melalui vena di lengan anda. Bahan pengesan tersebut akan diserap oleh mana-mana kelenjar paratiroid yang aktif.

Pengimejan

2

Kamera gamma akan mengambil gambar kawasan leher dan dada untuk menunjukkan di mana bahan pengesan terkumpul. Kelenjar paratiroid yang aktif akan kelihatan cerah pada imej tersebut.



3 SPECT/CT



Sering kali, imbasan SPECT (Single Photon Emission Computed Tomography) atau imbasan CT dilakukan serentak untuk menghasilkan imej 3-D dan meningkatkan ketepatan lokasi.

Imbasan tambahan biasanya akan diambil **2 jam** selepas suntikan pertama dilakukan.



Persediaan Sebelum Imbasan

Tiada persediaan khas yang diperlukan sebelum imbasan. Anda boleh makan dan minum seperti biasa.



Bilakah Anda Akan Mendapat Laporan?

Laporan pakar perubatan akan siap sejeurus selepas imbasan anda. Namun, ia mungkin mengambil sedikit masa untuk sampai kepada doktor yang merujuk anda atau sedia untuk diambil sendiri. Laporan biasanya siap pada penghujung hari.

Ulasan dan penerangan mengenai keputusan akan diberikan oleh doktor yang bertugas.



Kehamilan dan Penyusuan

Jika anda hamil atau mengesyaki anda hamil, sila maklumkan kepada kakitangan kami sebelum prosedur.


Bagi ibu yang menyusu, anda disyorkan untuk **berhenti menyusu selama 24 jam** selepas imbasan.

Dalam tempoh ini, anda harus memerah dan membuang susu tersebut. Anda boleh menyambung semula penyusuan selepas tempoh yang disyorkan tamat.



Imej Penolakan Bagi Imbasan Paratiroid

Imej penolakan ini membantu mengenal pasti lokasi kelenjar paratiroid yang terlalu aktif dengan lebih tepat untuk diagnosis dan perancangan rawatan.



Apakah yang ditunjukkan oleh imej imbasan ini?



Imej penolakan diambil pada beberapa selang masa untuk mengenal pasti kawasan yang masih menunjukkan pengumpulan bahan pengesan radioaktif. Ini mungkin menandakan kelenjar paratiroid yang terlalu aktif.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami:

+603-7494 1017

+603-7491 1483

smc@sunway.com.my

Pusat Perubatan Nuklear terletak di:
Basement, Tower C

Waktu Operasi

Isnin-Jumaat

8.30am - 5.30pm

Sabtu

8.30am - 12.30pm

Tutup pada Ahad dan Cuti Umum